

10/08/1997

Maka gembiralah Perdana Menteri...

ALKISAHNYA, dalam kemarahan pun ada kegembiraan. Dr Mahathir yang begitu kecewa dengan sikap pengotor rakyat menemui kegembiraan jua apabila mendapati rakyat Malaysia berkebolehan mempelajari pelbagai teknologi baru dengan cepat. Bagi beliau keadaan itu akan mengemudi pergerakan industrialisasi negara.

Perdana Menteri berkata beliau hairan bercampur gembira melihat rakyat Malaysia sekarang boleh mengeluarkan komponen-komponen berketepatan tinggi (high precision components) sewaktu beliau melawat pameran industri kecil dan sederhana (IKS), Khamis lalu.

Apa yang menggembirakan beliau ialah kebolehan itu dicapai tidak lama selepas kerajaan membuat kenyataan tahun lalu bahawa komponen-komponen yang dikatakan dikeluarkan di Malaysia sebenarnya bekasnya (casing) saja manakala bahagian-bahagian dalamnya diimport.

"Saya gembira melihat ini sudah dilakukan dalam tempoh masa yang singkat selama setahun, komponen-komponen berketepatan tinggi ini sekarang dibuat dan dipasang di Malaysia," katanya.

Memanglah penting apa yang dikatakan bahagian-bahagian kanak-kanak (child parts) - bahagian dalam komponen - dibuat dan dipasang dalam negara untuk mengurangkan import.

Seperti kata Dr Mahathir, keupayaan untuk belajar dengan cepat itu akan mengemudikan kita masuk ke dalam era maklumat dengan pantas.

Barangkali cerita yang dikisahkan oleh Dr Mahathir mengenai lawatannya ke sebuah kilang kaca di Langkawi (yang mengeluarkan bahan-bahan kristal yang berkualiti tinggi yang boleh dijual setinggi RM2,000 satu) boleh menjadi teladan kepada semua.

Dalam lawatan itu, pengurus kilang berbangsa Switzerland memberitahu Dr Mahathir bahawa beliau boleh melatih anak-anak tempatan Langkawi dalam jangka masa yang lebih pendek berbanding pekerja Eropah untuk meniup kaca.

Maka bagi teman jelaslah rakyat Malaysia tidak kurang daripada orang lain. Hanya yang perlu ialah ketekunan dan tekad kita untuk maju.

(END)